

Pelajar diundang ke acara kenali universiti setempat

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

PERNAHKAH anda terfikir bagaimana sebenarnya kehidupan seorang mahasiswa? Adakah masa seorang mahasiswa itu diperlukan hanya dengan menghadiri ceramah dan kelas demi kelas?

Betulkah kehidupan di universiti itu hanya belajar, belajar dan terus belajar? Ingin tahu jawapannya? Jom ke Universiti Nasional Singapura (NUS)!

Jom ke NUS! (JKN) bakal diadakan buat kali keempat tahun ini dan pelajar sekolah menengah, maktab rendah, politeknik dan madrasah dijemput hadir.

Acara anjuran Persatuan Budaya Melayu NUS (PBMUKS) itu bermatlamat membangkitkan semangat pelajar supaya meneruskan pendidikan hingga ke menara gading.

Selain itu, ia diharap dapat membantu membina rangkaian kenalan antara pelajar daripada pelbagai institusi pendidikan supaya mereka dapat saling berkongsi maklumat dan pengalaman.

Dihubungi baru-baru ini, pengarah projek JKN 2017, Encik Azhar Rahmat, 22 tahun, berkata acara itu akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama – ‘TPJC

Roadshow’, ‘SP Roadshow’ dan ‘JKN Tour’.

TPJC Roadshow terbuka kepada pelajar dan alumni Maktab Rendah Tampines (TPJC) yang menanti keputusan GCE peringkat ‘A’ mereka. Ia diadakan pada Khamis ini di maktab rendah itu.

SP Roadshow pula terbuka kepada pelajar politeknik, maktab rendah dan madrasah yang ingin mengetahui tentang universiti di Singapura. Ia bakal diadakan pada Rabu, 25 Januari, 3 hingga 5.30 petang di LT 17A di Politeknik Singapura (SP).

“Kami akan adakan sesi perkongsian dengan mahasiswa yang sedang menuntut di universiti yang akan berkongsi pengalaman mereka serta apa yang boleh dijangka tentang kehidupan di universiti.

“Ini termasuk kurikulum dan pelbagai aktiviti yang tersedia di universiti,” kata Encik Azhar yang juga ahli jawatankuasa PBMUKS 2017.

Selain itu, mahasiswa universiti setempat lain akan juga berkongsi pengalaman serta kurikulum sekolah masing-masing.

Acara kemuncak, *JKN Tour*, pula bakal diadakan pada Sabtu, 11 Februari dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang.

Ia merupakan “perkhemahan kecil” sehari dengan pelajar akan dibawa ke serata kampus NUS untuk merasakan sendiri suasana di universiti.

Di samping itu, pelbagai aktiviti dan sesi perkongsian akan diadakan.

Pengalaman itu diharap dapat memberi inspirasi kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti serta membuka mata mereka yang mungkin tidak pernah terfikir mahu ke menara gading.

Namun, lebih daripada itu, Encik Azhar berharap JKN 2017 boleh menjadi wadah bagi pelajar melebarkan rangkaian kenalan mereka.

“Kami ingin mereka yang hadir berkongsi pengetahuan dan pengalaman menerusi interaksi mereka.

“Mungkin pelajar sekolah menengah boleh mengetahui lebih lanjut bukan sahaja tentang universiti bahkan tentang politeknik atau maktab rendah dari rakan lain,” kata beliau.

Mereka yang berminat menyertai JKN 2017 boleh mengisi borang pendaftaran yang terdapat di akaun Instagram @jomkenus atau melalui laman Facebook Jom Ke NUS 2017.